

## KRONOLOGI


# 1844

© Penghijrahan masyarakat Cina ke Johor.  
Pemimpin pertama Ngee Heng Kongsi, Tan Kee Soon menerima Surat Sungai (Surat kebenaran kerajaan untuk membuka kawasan pertanian untuk tanaman lada hitam dan gambir)



# 1890

© Penjajah British menekan Sultan Sir Abu Bakar supaya membubarkan Ngee Heng Kongsi, namun permintaan itu ditolak baginda.





**1917**

© Sistem Kangchu yang diamalkan sejak 1844 dibatalkan.

**1919**

© Persatuan Ngee Heng Kongsi dibubar dan digantikan dengan Johor Nanyang Wah Kiew Kong Soh pada 1922.

**1942**

© Bekerjasama dengan British bagi menentang Tentera Jepun

**1946**

© Bertukar nama sekali lagi kepada Persekutuan Tiong-Hua Johor Bahru.

**2009**

© Muzium Warisan Tiong-Hua Johor Bahru dibuka.



Fakta bergambar sempena kemerdekaan negara dan peranan masyarakat Cina di Tanah Melayu dipamerkan di Muzium Warisan Tiong-Hua Johor Bahru.

[FOTO NUR AISYAH MAZALAN/BH]

# Legasi Ngee Heng Kongsi

» Kumpulan bertanggungjawab bawa ribuan masyarakat Cina berhijrah ke Johor

Oleh Badrul Kamal Zakaria dan Mahani Ishak  
bhjb@bharian.com.my


✦ Johor Bahru

**A**pabila disebut Ngee Heng Kongsi, mungkin ramai khususnya generasi muda sekarang tidak tahun atau pernah mendengar namanya. Pertubuhan itu yang bertanggungjawab membawa ribuan masyarakat Cina berhijrah ke Johor kira-kira 160 tahun lalu.


Bagi mengenang kembali sejarah Ngee Heng Kongsi, Muzium Warisan Tiong-Hua Johor Bahru, baru-baru ini melancarkan pameran sejarah mengenai legasi pertubuhan itu yang kini dikenali dengan nama barunya, Persekutuan Tiong Hua Johor Bahru. Penolong Kurator Muzium itu, David



Pelbagai jenis **gendang dan alat muzik** masyarakat Cina.



Antara **barang lama masyarakat Cina yang dipamerkan** di Muzium Warisan Tiong-Hua Johor Bahru.



**Muzium Warisan Tiong-Hua** yang dibuka pada 2009 menjadi tarikan baru pelancong di Johor Bahru.

B14 20/9/12 MS 7.

# 'Peluang kaji sejarah masyarakat Cina Johor'

**Pengerusi** Jawatankuasa Pelancongan negeri, Hoo Seong Chang, menyifatkan pameran khusus mengenai pertubuhan berpengaruh, Ngee Heng Kongsi membolehkan orang ramai mendalami warisan masyarakat Cina Johor.


Katanya, pameran itu juga memberi galakan kepada pengkaji sejarah dan pelajar sekolah mendapatkan maklumat terperinci supaya memahami sejarah sebenar berkaitan Johor.

"Kita juga berharap lebih ramai ejen pelancong turut membawa pelanggan mereka kerana mahu muzium diletakkan sebagai destinasi pelancongan tumpuan selepas ini.

"Lebih menarik lagi, Muzium Warisan Tiong Hua Johor Bahru baru saja selesai pengubahsuaian iaitu membuka ruang pameran bagi menarik pelawat," katanya.

Seong Chang berkata, bandar raya ini mempunyai ceritanya tersendiri yang kaya dengan warisan budaya dan sejarah sejak ratusan tahun lalu yang mempunyai kaitan langsung dan hubungan akrab dengan keluarga diraja.

Bangunan muzium ini dirasmikan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pada 2009.



Mesin memproses getah.

Yee, berkata pameran Legasi Ngee Heng Kongsi memberi peluang kepada orang ramai menyelami sejarah panjang pertubuhan itu yang menjadi pemangkin kedatangan secara besar-besaran masyarakat Cina ke Johor.

#### Pameran singkap kronologi

"Pameran ini akan menyinkap kronologi kegiatan masyarakat Cina di negeri ini khususnya di Johor Bahru bermula pada 1844.

"Permulaan kedatangan orang Cina ke negeri ini adalah atas galakkan Sultan Johor ketika itu, Sultan Sir Abu Bakar yang menggalakkan penghijrahan orang Cina dari Singapura ke Johor.

"Galakan diberi bagi menggalakkan penduduk tempatan dan masyarakat Cina untuk memulakan kegiatan menanam komo-

diti terpenting masa itu iaitu lada hitam dan gambir. Selepas itu, kegiatan masyarakat Cina di Johor mulai rancak dan berterusan sehingga kini," katanya.

Yee berkata, susulan penghijrahan secara besar-besaran itu, ia membuka penempatan baru masyarakat Cina di negeri ini, selain turut memberi kemakmuran ekonomi kepada masyarakat tempatan.

Antara tempat pertama yang dibuka bagi tujuan ini ialah Kangkar Tebrau yang masih wujud sehingga kini, selain Zhang Chou Kang (Plentong), Kangkar Pulau dan Skudai.

Pameran ini juga diyakini membantu mengimbuai semula sejarah nama atau asal usul sesuatu tempat. Jika diteliti, mana-mana tempat yang mempunyai

nama 'Kangkar' atau 'Gambir', ia adalah rentetan daripada penghijrahan ini," katanya.

Malah, menerusi pameran ini, pengunjung dibawa merentasi masa silam bermula dengan penghijrahan masyarakat Cina ke negeri ini selain turut membawa mereka menjengah beberapa episod terpenting dalam sejarah masyarakat itu di Johor.

#### Saji fakta bergambar

"Menerusi pameran ini juga, mereka buka saja dapat mengetahui sejarah Ngee Heng Kongsi tetapi pada masa sama akan disajikan dengan pelbagai bahan menarik seperti fakta bergambar serta koleksi barangan pertubuhan itu termasuk yang digunakan ketika upacara penerimaan ahli kongsi.

"Menerusi pameran ini juga, pengunjung dan peminat sejarah juga boleh mengetahui dengan lebih lanjut akan keunikan masyarakat Cina Johor yang kurang diketahui umum," katanya.

Muzium itu terletak di 42 Jalan Ibrahim, Johor Bahru.

Ia dibuka setiap hari kecuali Isnin bermula dari jam 9 pagi hingga jam 5 petang dengan bayaran RM5 bagi dewasa dan RM2 untuk kanak-kanak, pelajar dan warga tua.



**"**  
**Pameran Legasi Ngee Heng Kongsi memberi peluang kepada orang ramai menyelami sejarah panjang pertubuhan itu yang menjadi pemangkin kedatangan secara besar-besaran masyarakat Cina ke Johor"**

**David Yee,**  
 Penolong Kurator Muzium Warisan Tiong-Hua Johor Bahru

Sementara itu, Pengurus Persatuan Tiong Hua Johor Bahru, Ku Liang Tong, berkata ramai pengunjung memilih mengunjungi muzium itu kerana banyak peralatan yang digunakan zaman nenek moyang mereka dipamerkan di situ.

"Dalam pameran kali ini pengunjung juga boleh membeli buku mengenai Sun Yat Sen, tokoh berpengaruh yang membebaskan Masyarakat Dinasti Manchu di China sekitar 1911," katanya.

Buku terbabit kini diberikan potongan harga 50 peratus dan keuntungan jualan kira-kira 2,000 buku itu akan digunakan untuk penadbiran muzium.



Replika burung dikaitkan dengan masyarakat Cina turut dipamer.